



TAHNIAH: Tiga bersaudara meraikan kejayaan memperoleh PhD bersama keluarga.

Tiga bersaudara berjaya tamatkan pengajian PhD

UB 19.12.2022 P.08

Oleh Hamzah Sanudin

KOTA KINABALU: Tiga bersaudara antara yang berjaya menerima Ijazah Doktor Falsafah (PhD) Pendidikan pada Majlis Konvokesyen Universiti Malaysia Sabah (UMS) kali ke-24 baru-baru ini.

Mereka adalah Hafifi Hafidz Horace, 33, Mohd Hussin Musa, 45, dan Janet Jequiline Jolly Tinjol, 45.

Hafifi ketika ditemui berkata sepanjang pengajian PhD, banyak cabaran terpaksa dilalui dan ia memerlukan kecekalan yang tinggi.

“Saya bersyukur kerana berjaya menghabiskan pengajian ini bersama dua lagi saudara dan meraikannya

pada konvokesyen kali ini.

“Kami sentiasa berhubung antara satu sama lain terutamanya membincangkan tugas tesis PhD supaya dapat berkongsi maklumat,” katanya.

Hafifi yang juga pensyarah di Institut Pendidikan Guru (IPG) Kampus Gaya sangat teruja kerana semua keluarga hadir meraikan majlis konvokesyen mereka.

Sementara itu, Janet turut menyatakan bahawa terpaksa menempuh cabaran dalam proses menyiapkan tesis PhD terutamanya ketika berlakunya pandemik COVID-19.

“Penolakan semakan tesis yang pernah saya lalui, hampir menyebabkan saya berpu-

tus asa untuk menghabiskan pengajian ini.

“Bagaimanapun, hasil dorongan dan motivasi daripada keluarga menjadikan saya terus kuat untuk berjuang sehingga berjaya,” katanya.

Janet yang juga guru tingkatan enam di SMK Takis, Papar berharap semoga usaha yang mereka lakukan itu dapat memberikan inspirasi kepada seluruh keluarga khususnya yang masih muda untuk terus belajar ke peringkat tertinggi.

“Saya menzahirkan rasa syukur kerana dapat menyempurnakan amanah yang diberikan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia melalui tajaan Biasiswa Hadiah Latihan Persekutuan,” katanya.*